

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR  
[POKOK SENA]**

**TARIKH : 16 MEI 2016 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) siapakah Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU di JPM dan berapakah jumlah kakitangan Pemandu; dan

(b) adakah terdapat Firma Perunding yang masih memberikan khidmat kepada Pemandu,namakan firma tersebut dan berapakah jumlah bayaran yang dikenakan serta berapakah jumlah kakitangan firma perunding tersebut dipejabat Pemandu.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sedia maklum, pelantikan YBhg Dato' Sri Idris Jala sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri selama dua penggal berturut-turut telah tamat pada 31 Ogos 2015 yang lalu. Justeru itu, beliau telah dilantik oleh YAB Perdana Menteri sebagai **Penasihat Program Transformasi Negara bertaraf Menteri** dengan kontrak selama 3 tahun yang disediakan oleh pihak Kerajaan berkuatkuasa 1 September 2015. Dengan perlantikan sebagai Penasihat Program Transformasi Negara, beliau terus kekal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU selama kontrak tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjalankan keseluruhan agenda Program Transformasi Nasional (NTP) melalui GTP dan ETP, PEMANDU bertanggungjawab sebagai sebuah Sekretariat. Oleh itu, Unit PEMANDU telah diperuntukkan waran sebanyak 123 disamping peruntukkan waran Pejabat Penasihat Program Transformasi Negara Dato' Sri Idris Jala, sebanyak 5 waran. Keseluruhan waran ini telah diisi sepenuhnya oleh para penjawat awam, para pegawai dari syarikat berkaitan kerajaan (GLCs), para profesional swasta.

Seperti sedia maklum, pada awal penubuhan PEMANDU pada September 2009, PEMANDU telah mendapatkan khidmat syarikat konsultan untuk mengendalikan enam makmal NKRA. Ini kerana, pada masa yang sama, kakitangan PEMANDU masih belum dilantik lagi maka perkhidmatan syarikat konsultan diperoleh untuk mendapatkan

kepakaran dan pengetahuan tertentu demi menangani masalah yang berbangkit dalam makmal tersebut. Pada tahun 2010 pula, syarikat-syarikat konsultan yang dipilih telah membantu PEMANDU mengendalikan 12 makmal NKEA. Pada masa ini, PEMANDU telahpun dianggotai sebanyak lebih kurang 50 orang pegawai (berbanding hanya 3 orang pada akhir 2009) dan oleh sebab itulah kebergantungan terhadap syarikat konsultan telah dikurangkan kepada separuh. Untuk memastikan kos yang dibelanjakan kepada syarikat-syarikat tersebut adalah berbaloi, PEMANDU telah memastikan perpindahan pengetahuan dan kemahiran daripada syarikat konsultan ini kepada kakitangan-kakitangan PEMANDU dan juga kementerian-kementerian yang terlibat dalam makmal tersebut supaya Kerajaan tidak perlu bergantung kepada mereka selepas tamat makmal yang telah dijalankan.

Sejak pengendalian makmal NKEA pada tahun 2010, tiada firma perunding yang dilantik oleh PEMANDU untuk menjalankan makmal-makmal transformasi. Makmal-makmal berskala besar yang dijalankan dari tahun 2011 hingga kini iaitu makmal GTP2.0 (7 buah makmal), Strategic Reform Initiatives (6 buah makmal) dan juga makmal Cities and Corridor (5 buah makmal) kesemuanya dikendalikan oleh pegawai-pegawai PEMANDU dan tidak langsung bergantung kepada syarikat perunding. Ini menunjukkan bahawa penggunaan syarikat perunding oleh PEMANDU adalah berpatutan dan hanya pada skala yang kecil. Kini, kerja-kerja pengurusan prestasi dan pelaksanaan yang dikendalikan oleh PEMANDU termasuk makmal-makmal yang baru, kesemuanya dibuat secara “*in-house*” dan tidak sama sekali bergantung kepada syarikat-syarikat perunding.

Sekian, terima kasih.